

# Pembelajaran dalam talian tidak praktikal, menyusahkan

## **SAUDARA PENGARANG,**

**KEMENTERIAN** Pengajian Tinggi perlu berani mengambil langkah drastik dengan menggantung sesi pengajian dari Oktober 2020 hingga Februari 2021 ekoran peningkatan jangkitan wabak Covid-19 di negara ini.

Pihak kementerian sewajarnya memikirkan kualiti pembelajaran mahasiswa yang mana tidak semua mata pelajaran sesuai diajar secara maya kerana terdapat subjek memerlukan latihan praktikal di samping kawal selia oleh pensyarah.

Namun, belajar secara maya tidak menjadi masalah bagi kursus yang melibatkan pembelajaran teori kerana ia hanya melibatkan fakta.

Kementerian tidak perlu takut, risau atau tertekan memikirkan isu kelambatan

graduasi apabila semester digantung kerana keadaan keselamatan kesihatan pelajar berada pada tahap bahaya.

Malah, dalam situasi ini mustahil untuk graduan mendapat pekerjaan disebabkan masih ramai lepasan universiti yang menganggur dan dibuang kerja.

Kualiti graduan sangat penting untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir. Satu lagi isu ialah yuran yang dibayar pelajar tidak setimpal dengan kemudahan disediakan universiti sebaliknya mereka perlu menambah wang sendiri untuk membeli data bagi memuat turun bahan pengajaran dan menyertai kelas secara maya.

**HANEM**

Shah Alam, Selangor